



JANUARI - JUN 2025 EDISI 1

BULETIN PENGGRAM

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT مجلس قمر بندمرن باتو قهت



m/s 20

Majlis Perasmian International Music Food Festival x Majestic Johor Dataran Penggram Batu Pahat



m/s 15

Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor Sempena Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor



m/s 13

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat MPBP 2025



m/s 08

Ops Cegah Premis Warga Asing



m/s 24

Sukan Tertutup Bola Jaring Dan Bola Sepak



m/s 06

Pesta Malam Gemerlapan Dan Majlis Titipan Kasih Pegawai Daerah Batu Pahat



Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mppp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



BANDAR PENGGRAM BANDAR RENDAH KARBON 2030

Isi Kandungan

03

• PROGRAM PENDAFTARAN DAN UNDIAN PETAK BAZAR RAMADAN TAHUN 2025

04

• MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025 YANG DIPERTUA MPBP
• PROGRAM PERARAKAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT

05

• SESI LAWATAN DAN PENYERAHAN PROJEK BP.1 SKALA BESAR DI BAWAH PERUNTUKAN KPKT BAGI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT DI MEDAN NIAGA BATU PAHAT (PUSAT IKS, PESERA)
• MAJLIS APRESIASI SOUTHERN VOLUNTEER

06 & 07

• PESTA MALAM GEMERLAPAN DAN MAJLIS TITIPAN KASIH PEGAWAI DAERAH BATU PAHAT

08

• OPS CEGAH PREMIS WARGA ASING
• MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN DAN MAKAN MALAM NOSTALGIA KAMPUNG BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI ZON TENGAH DAN SELATAN

09

• PROGRAM SOLAT TERAWIH BERSAMA PEGAWAI DAERAH PAHAT BAGI TAHUN 1445H / 2024M
• PROGRAM TADARUS ALQURAN PERDANA SEMPERNA BULAN RAMADAN TAHUN 1446H/2025 PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

10

• PROGRAM SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI YAYASAN MAKMUR BATU PAHAT
• PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN KEDIAMAN WARGA EMAS

11

• PEKERJA CONTOH BULANAN

12

• PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA 2025
• MESYUARAT PENUH MPBP BIL. 3/2025 DAN MAJLIS BERBUKA PUASA

13

• SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT MPBP 2025

14

• KELESTARIAN USAHAWAN DIGITAL TM DENGAN KERJASAMA MPBP
• JUALAN KASIH JOHOR SEMPERNA JELAJAH ORANG JOHOR DUN PARIT RAJA

15

• PROGRAM JELAJAH ASPIRASI ORANG MUDA JOHOR SEMPERNA JELAJAH ASPIRASI ORANG MUDA JOHOR 2025

16 & 17

• LENSA MPBP

18

• PERSIAPAN TOILET OF THE YEAR 2025 AWARD
• PROGRAM KESEDARAN DAN KELESTARIAN INDUSTRI (TENAGA SOLAR) DAERAH BATU PAHAT

19

• CABARAN TURUN BERAT BADAN SIRI 4.0

20 & 21

• MAJLIS PERASMIAN INTERNATIONAL MUSIC FOOD FESTIVAL X MAJESTIC JOHOR DATARAN PENGGARAM BATU PAHAT

22

• ECO FUTURE ENGINEER CLEAN AND WALK TOGETHER

23

• MAJLIS DOA SELAMAT DAN MERAIKAN BAKAL HAJI

24 & 25

• SUKAN TERTUTUP BOLA JARING DAN BOLA SEPAK 4 JUN 2025

26

• PROGRAM KORBAN KELOMPOK 2025

27

• PERASMIAN MAJLIS SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025

28 & 29

• GERAK MESRA AHLI MAJLIS

30 & 31

• PERTANDINGAN KECERIAAN MERDEKA ZON AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT SEMPERNA BULAN KEMERDEKAAN 2025

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tuan Haji Ezahar bin Haji Abu Sairin
(Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat)

PENASIHAT

Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar
(Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat)

KETUA EDITOR

En. Muhammad Zulkarnain bin Alias
(Ketua Unit Perhubungan Awam Dan Korporat)

SIDANG PENGARANG

En. Ahmad Izzul Fikri bin Ahmad Nizam
Pn. Syarifah Suhaila binti Tahir
Pn. Siti Nur Azlin binti Ropie
Pn. Rohayu binti Kusni

REKA GRAFIK

Unit Perhubungan Awam Dan Korporat

FOTOGRAFI

En. Ahmad Izzul Fikri bin Ahmad Nizam
Pn. Siti Nur Azlin binti Ropie
Pn. Rohayu binti Kusni

Sidang Redaksi Buletin Penggaram amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada warga kerja dan orang awam dalam idea penerbitan Buletin Penggaram. Sebarang idea boleh dikemukakan ke :

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT,
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
TEL : 07-439 6826 / 07-439 6828

Program Pendaftaran Undian Petak Bazar Ramadan Tahun 2025

07-09 JANUARI 2025 • Program Pendaftaran dan Undian Petak Bazar Ramadan Tahun 2025 telah berlangsung pada 7, 8 dan 9 Januari 2025 bertempat di Dewan Jubli Intan, Batu Pahat. Enam lokasi yang terlibat dalam proses undian adalah:

- Bazar Ramadan Pesta • Bazar Ramadan Taman Budaya • Bazar Ramadan Taman Kristal
- Bazar Ramadan Taman Universiti • Bazar Ramadan Taman Putera Indah
- Bazar Ramadan Senggarang





Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 Yang Dipertua MPBP

16 JANUARI 2025 • Bersempena dengan kehadiran tahun baru 2025, En. Ezahar Bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP telah menyampaikan amanat beliau dalam perhimpunan pertama MPBP bagi tahun 2025. Antara amanat beliau ialah halatuju MPBP 2025 iaitu 3 fokus utama yang perlu dilaksanakan ialah:

- (i)Memperkasakan kemahiran dan kecekapan dalam tadbir urus organisasi
- (ii)Memperkasakan sumber hasil Majlis untuk kesejahteraan rakyat
- (iii) Memperkasakan pembangunan data geospasial MPBP Pencapaian yang membanggakan bagi tahun 2024 ialah MPBP telah mencatatkan peningkatan prestasi kutipan hasil sebenar sebanyak 12.21% berbanding pada tahun 2023.

Jumlah hasil 2024 ini juga telah mencapai 104% daripada anggaran hasil yang ditetapkan berbanding 99% pada tahun 2023. Diharapkan kejayaan ini diteruskan bagi tahun 2025. Majlis dimulakan dengan bacaan lafaz Ikrar Aku Janji Penjawat Awam oleh En. Muhammad Afiq bin Rosman, Pegawai Undang-Undang dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah oleh En. Mohamad Qamarul Hazeq bin Mohamad Ridza, Pegawai Penguat Kuasa dan diikuti oleh semua wargakerja MPBP. Majlis diteruskan dengan sesi pengenalan 5 orang pegawai lantikan baru iaitu Pegawai Undang-Undang Gred L9, Juruaudit Gred W9, Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 dan Pembantu Tadbir Gred N1. Seterusnya sesi penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (PCB) bagi bulan Oktober, November dan Disember 2024 diikuti dengan sesi penyampaian surat kenaikan pangkat bagi Pegawai Penguat Kuasa Gred KP3. Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian nota serah tugas pegawai yang bertukar Jabatan/Unit yang terdiri daripada jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 dan Pembantu Tadbir Gred N1. Seterusnya sesi penyampaian Anugerah Penghargaan Khas Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) 2024 bersempena Malaysia Urban Planning Award (MUPA) dan penyampaian Anugerah Bandar Mampam Peringkat Negeri Johor 2024 bersempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) peringkat Negeri Johor yang telah dimenangi oleh Jabatan Perancangan Pembangunan MPBP. Majlis diteruskan dengan pelancaran Buku Pelan Induk Bandar Pintar Dan Rendah Karbon 2.0 MPBP oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan penyampaian hadiah Piala Pegawai Daerah Batu Pahat kepada wakil MPBP FC yang telah menjadi johan Liga Bola Sepak Daerah Batu Pahat. Akhir sekali, sesi pelancaran Karnival Sukan Kelab Bunga Tanjung yang terdiri 4 rumah sukan iaitu Pasukan Merah- Sapphire, Pasukan Kuning-Zircon, Pasukan Hijau-Emerald dan Pasukan Biru - Topaz bagi pelaksanaan 1 Staf 1 Sukan. Pelancaran ini bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan penerapan budaya bersukan dalam kalangan warga kerja MPBP.



Program Perarakan Tahun Baru Cina Peringkat Daerah Batu Pahat

18 JANUARI 2025 • Program Perarakan Tahun Baru Cina Peringkat Daerah Batu Pahat telah berlangsung pada 18 Januari 2025 dan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Ling Tian Soon (Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor). Turut serta hadir adalah barisan Ahli Majlis MPBP, Pengerusi Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat serta masyarakat setempat. Acara perasmian diadakan di Jalan Fatimah berhadapan Tokong Tien How seterusnya pelepasan majlis perarakan oleh YB Ling Tian Soon diiringi tetamu jemputan yang berlangsung dari Jalan Fatimah sehingga ke Astaka Shahbandar, Jalan Shahbandar. Program yang dijalankan ini mampu menjadikan Batu Pahat sebagai Bandar Ikonik Pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026 yang mempamerkan budaya dan adat masyarakat setempat.



Sesi Lawatan Dan Penyerahan Projek BP.1 Skala Besar Di Bawah Peruntukan KPKT Bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat Di Medan Niaga Batu Pahat (Pusat IKS, Peserai)

20 JANUARI 2025 • Majlis Lawatan ke Tapak Projek Medan Niaga Batu Pahat, Johor dan Sesi Penyerahan Projek di Bawah peruntukan KPKT bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) di Medan Niaga Batu Pahat (Pusat IKS, Peserai) telah diadakan pada 20 Januari 2025. Majlis menandatangani Aduan Penyerahan dan Penerimaan, Projek Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT antara Kontraktor Imanpuri Sdn Bhd dan Timbalan Ketua Pengarah KPKT serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat ini telah disempurnakan bersama Timbalan Ketua Pengarah KPKT iaitu Ar. Zuhairi bin Manaf, Pengarah KPKT Encik Syahrul Nizam bin Salleh, Ketua Penolong Pengarah Encik Samsuri bin Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah Encik Mohamad Rizzuan bin Shahrul Amri dan Penolong Jurutera KPKT Encik Mohammad Faiz bin Zakaria. Turut serta Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin, Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Abd. Razak bin Ithnain, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Puan Sr Mastura binti Othman, Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Landskap, Encik Ridzuan bin A. Rahim, pegawai-pegawai MPBP serta kontraktor utama projek tersebut, Imanpuri Sdn Bhd. Penyerahan Projek Renovasi Bangunan dua (2) tingkat di Pusat IKS, Benteng Peserai, Batu Pahat ini merupakan satu lagi kesinambungan pencapaian pembangunan projek-projek di jabatan ini dalam usaha untuk menyediakan keperluan ruang niaga kepada peniaga tempatan iaitu dalam rangka kerja untuk memberi kemudahan dan keselesaan serta perkhidmatan yang lebih berkualiti dan inovatif. Setinggi-tinggi penghargaan perlu dizahirkan kepada pihak KPKT dan juga pihak kontraktor serta semua pihak yang terlibat dalam memberi kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan pelaksanaan Pusat IKS, Benteng Peserai ini.

Majlis Apresiasi Southern Volunteer

22 JANUARI 2025 • Majlis Apresiasi Southern Volunteers Batu Pahat 2024 diadakan pada 22 Januari 2025. Majlis ini diadakan bersempena bagi Merayakan Anugerah Pegawai Daerah Batu Pahat.





Pesta Malam Gemerlapan Dan Majlis Titipan Kasih Pegawai Daerah Batu Pahat

22 JANUARI 2025 • Pesta Malam Gemerlapan Dan Majlis Titipan Kasih Pegawai Daerah Batu Pahat 2024 telah diadakan di Dewan Jubli Intan Batu Pahat. Program ini dilancarkan sempena program pelancongan 2025 daerah Batu Pahat dan turut meraikan perpisahan Pegawai Daerah Batu Pahat YBhg Hj Zainor Bin Adani sebagai tanda penghargaan untuk mengenang sumbangan dan jasa bakti yang telah diberikan.





OPS Cegah Premis Warga Asing

27 JANUARI 2025 • Jabatan Penguatkuasaan, dengan kerjasama jabatan dalaman MPBP (Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Pelesenan), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), telah melaksanakan Operasi Cegah terhadap premis yang dikendalikan oleh warga asing di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP). Operasi ini tertumpu di sekitar Bandar Batu Pahat dan Tongkang Pechah. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 13 premis perniagaan telah diperiksa. Hasil tindakan Operasi Cegah:

- Sebanyak 14 Notis Kompaun dikeluarkan dan 2 Notis Henti Niaga serta-merta oleh Jabatan Penguatkuasaan kerana melanggar syarat lesen.
- 1 sitaan juga dilakukan oleh Jabatan Penguatkuasaan terhadap barangan di premis yang melanggar peraturan.
- 2 Kompaun dikeluarkan oleh pihak KPDN.
- 22 warga asing berjaya ditahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atas kesalahan imigresen. Jabatan Penguatkuasaan MPBP akan terus melaksanakan operasi bersepadu seperti ini dari semasa ke semasa bagi memastikan keselesaan dan keharmonian masyarakat di Batu Pahat. Batu Pahat adalah milik kita bersama, dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan bandar ini kekal makmur, harmoni, dan selamat.



Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Dan Makan Malam Nostalgia Kampung Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Zon Tengah Dan Selatan

13 FEBRUARI 2025 • Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Bil. 1/2025 (Zon Selatan & Tengah) Majlis Perbandaran Batu Pahat telah terpilih menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Bil.1/2025 anjuran bersama Jabatan Kerajaan Tempatan bertempat di Bilik Mesyuarat Delima, Menara MPBP. Mesyuarat yang diadakan pada 13-14 Februari 2025 telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan YBhg. Dato' Mohd Fadzi bin Mohd Kenali. Terima kasih diucapkan kepada YBhg Dato' Ketua Pengarah dan seluruh Ahli Mesyuarat yang hadir ke Majlis Perbandaran Batu Pahat.



Program Solat Terawih Bersama Pegawai Daerah Batu Pahat Bagi Tahun 1446H/2025M

8 Mac 2025 • Program solat terawih bersama yang Pegawai Daerah Batu Pahat telah berlangsung pada 8 Mac 2025 di Masjid As Syakirin, Koris. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Kumpulan Yang Di Pertua yang terdiri daripada kakitangan Majlis Perbandaran Batu Pahat.



Program Tadarus Al-Quran Perdana Sempena Bulan Ramadan Tahun 1446H/2025 Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat

25 Mac 2025 • Program solat tarawih bersama yang Pegawai Daerah Batu Pahat telah berlangsung pada 8 Mac 2025 di Masjid As Syakirin, Koris. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Kumpulan Yang Di Pertua yang terdiri daripada kakitangan Majlis Perbandaran Batu Pahat.



Program Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Makmur Batu Pahat

19 Mac 2025 • Program Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Makmur Batu Pahat telah diadakan di Dewan Jubli Intan. Yayasan Makmur Batu Pahat memberi sumbangan wang tunai dan juga bakul makanan kepada 350 orang penerima, daripada kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Zulkurnain Kamisan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat. hadir sama YB Nor Rashidah binti Haji Ramli Adun Parit Raja, Yang DiPertua, Ketua Whip & barisan Ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat semoga dengan sedikit bantuan ini dapat memberi keceriaan dan meringankan bebanan kepada setiap penerima untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba. Kali ini seramai 10 orang ahli Southern Volunteers Batu Pahat terlibat membantu mengagihkan sumbangan kepada semua penerima. Majlis berjalan dengan lancar dan baik. Terima kasih kepada semua Sukarelawan Southern Volunteers, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Pejabat Daerah Batu Pahat.



Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Gotong-Royong Membersihkan Kediaman Warga Emas

25 Mac 2025 • Program gotong royong telah diadakan di Kampung Kenangan Dato' Onn 2. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah pembersihan dalam dan luar rumah serta penyelenggaraan sekitar kediaman warga emas terlantar serta sumbangan barangan asas peralatan rumah. Turut hadir bersama Encik Zaidi bin Japar Ketua Whip Ahli Majlis Majlis Perbandaran Batu Pahat, Setiausaha yang prihatin, serta Ahli-ahli Majlis MPBP, Warga MPBP, Southern Volunteers Batu Pahat, SWM Environment Sdn Bhd, Yayasan Makmur Batu Pahat serta penduduk setempat yang turut serta di dalam program ini. Terima kasih kepada semua Sukarelawan Southern Volunteers yang hadir membantu kerja-kerja khidmat Masyarakat. (CSR).

Pekerja Contoh Bulanan



JANUARI 2025

PN. NOOR ADIBA BTE ABDUL RASHID
PEGAWAI TADBIR N10

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)



JANUARI 2025

EN. MOHD HANAFIAH BIN ISMAIL
PEMBANTU PENGUAT KUASA (L/K) KPI

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA



FEBRUARI 2025

EN. ABDUL HALIM BIN SARPIN
PEGAWAI TADBIR N9

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
(BAHAGIAN PENTADBIRAN AM)



FEBRUARI 2025

**EN. MUHAMMAD AZLAN SHAH
BIN BAHARUDDIN**
PEMBANTU KESIHATAN AWAM U1

JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN



MAC 2025

EN. SHAHRIL BIN KARJOO
PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA J12

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN



MAC 2025

EN. MOHD SHAID BIN ISKANDAR
PEMBANTU PENGUAT KUASA KPI

JABATAN PENGUATKUASAAN



APRIL 2025

EN. NORHISAM BIN SELAMAT
PEGAWAI PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA W10

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



APRIL 2025

EN. MUHAMMAD AIZAT BIN DAUD
PEMBANTU KHIDMAT AM N1

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



MEI 2025

EN. MOHD RIDZUAN BIN A. RAHIM
JURUTERA J10

JABATAN KEJURUTERAAN & LANDSKAP



MEI 2025

EN. AHMAD BARIAN BIN SAIRI
PEMBANTU TADBIR (P/O) N2

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN



JUN 2025

PN. NADIA IRYANTY PUTRI BINTI AB KADIF
PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA J10

UNIT PUSAT SEHENTI (OSC)



JUN 2025

EN. MOHAMAD NASHRUL BIN ISMAIL
PEMBANTU PENGUAT KUASA (L/K) KPI

JABATAN KEWANGAN



Program Bubur Lambuk Perdana 2025

13 Mac 2025 • Program Bubur Lambuk Perdana diadakan serentak seluruh Negeri Johor. Di daerah Batu Pahat telah diadakan di Dataran Shahbandar Batu Pahat. Pelbagai jabatan dan agensi terlibat pada tahun ini. Bagi penyediaan bubur lambuk Majlis Perbandaran Batu Pahat telah berkerjasama bersama Kelab Bunga Tanjung MPBP, Anuale Cawangan Johor Barat, Puspanita MPBP, Southern Volunteers Batu Pahat dan syarikat konsesi Safwa Global Sdn. Bhd. Pengedaran bubur lambuk telah diadakan di Jalan Shahbandar oleh Tuan Mohd Farid bin Kassim Pegawai Daerah Batu Pahat. Turut hadir sama Tuan Hj Ezahar bin Hj Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Abdul Razak bin Ithain Setiausaha MPBP bersama Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Johor bagi agihan bubur lambuk.

Mesyuarat Penuh MPBP BIL.3/2025 Dan Majlis Berbuka Puasa

27 Mac 2025 • En. Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPBP Bil. 3/2025 di Bilik Mesyuarat Delima, Menara MPBP. Dalam mesyuarat ini, pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dalam bersama - sama membantu menjalankan operasi pasca banjir. Selain itu juga pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Majlis juga diteruskan dengan program berbuka puasa bersama semua ahli mesyuarat yang hadir





Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat MPBP 2025

29 APRIL 2025 • Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat MPBP 2025 dalam suasana penuh meriah dan harmoni bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat. Majlis ini menjadi platform untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara warga kerja MPBP, Ahli Majlis, agensi-agensi kerajaan, rakan strategik dan komuniti setempat. Menambahkan kemeriahan sambutan, majlis turut diserikan dengan persembahan istimewa daripada artis jemputan terkenal, Ronnie Hussein, yang menghiburkan hadirin dengan lagu-lagu raya dan kenangan.

Majlis ini juga menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi:

- Pertandingan Video Yok Raya Batu Pahat
- Pertandingan OOTD Yok Raya Batu Pahat

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan sambutan ini. Semoga semangat Hari Raya terus memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan warga MPBP serta komuniti Batu Pahat.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 Dan Jasamu Dikenang

29 APRIL 2025 • Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat

Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 dan Jasamu Dikenang sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan prestasi dan dedikasi luar biasa dalam perkhidmatan awam.

Majlis penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPBP, Encik Ezahar bin Abu Sairin, dan turut dihadiri oleh Ketua Whip Ahli Majlis MPBP serta barisan Ahli Majlis yang lain.

Antara yang diraikan pada majlis ini ialah:

- 28 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024, atas kecemerlangan dan komitmen tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.
 - Pekerja Cemerlang Bulan Februari & Mac 2025, sebagai pengiktirafan kepada prestasi kerja harian yang luar biasa.
 - 2 orang pegawai yang berpindah, sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka sepanjang berkhidmat di MPBP.
 - 3 orang pegawai tamat kontrak, atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan.
 - 11 orang pesara, yang diraikan atas pengorbanan dan komitmen sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.
- Majlis ini bukan sekadar satu bentuk penghargaan, malah menjadi simbol kepada budaya kerja cemerlang yang sentiasa dipupuk dalam organisasi MPBP.

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang diraikan. Semoga kejayaan dan jasa kalian menjadi inspirasi kepada warga MPBP untuk terus berkhidmat dengan penuh integriti dan profesionalisme.

Jualan Kasih Johor Sempena Jelajah Orang Johor Dun Parit Raja

19 APRIL 2025 • JUALAN KASIH JOHOR SEMPENA JELAJAH ORANG JOHOR DUN PARIT RAJA Program jualan kasih yang di ilhamkan oleh YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi telah diadakan di Pasar Awam Parit Raja. Program ini Memberi peluang masyarakat mendapatkan keperluan barang asas pada kadar harga yang istimewa dengan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor. FAMA menyediakan pelbagai barang jualan dengan harga yang sangat istimewa seperti ayam segar RM3.50 se kg, minyak masak 2kg RM10 sebotol, telur RM5 & RM8 (ikut gred) dan bermacam keperluan harian lagi. Program jadi lebih meriah dengan kehadiran YB Dato' Zahari Sarip. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Pentadbir Tanah Daerah BP Tn Hj Nur Faiz Jamil, YBhg Datuk Encik Lassim Burhan, Pn Anim Adam, Hj Mohd Khairul Amri dan Pn Haryani Sukarman. Seterusnya, YB Exco juga meninjau kemudahan yang terdapat di Pasar Awam Parit Raja ini bersama kepimpinan dan Majlis Perbandaran Batu Pahat.





Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor Sempena Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor

20 APRIL 2025 • Perasmian JOJ Pt Raja selesai disempurnakan YAB Menteri Besar Johor Dato' Onn Hafiz Ghazi. Kerajaan Negeri Johor akan terus memastikan program-program kebajikan dan kepentingan Bangsa Johor terus digerakkan pada skala yang lebih luas dan menyeluruh melalui wakil-wakil rakyatnya dan penyelaras DUN. YAB MB Johor umumkan peruntukan RM3.5 juta bagi mengatasi isu banjir dan ia kena dilaksanakan pada kadar segera sebagai usaha mengelakkan kejadian banjir termenung dari berulang. Syabas & Tahniah kepada YB Nor Rashidah binti Hj Ramli, ADUN Parit Raja, YB Dato' Zahari bin Sarip Exco Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar.



LENSA





MPBP





Persiapan Toilet Of The Year 2025 Award

21 MEI 2025 • KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menganjurkan pertandingan ini Edisi 2025. 8 Kategori Anugerah dipertandingkan merangkumi kategori:

- Pihak Berkuasa Tempatan • Sekolah • Restoran • Hotel • Stesen Minyak
- Pusat Beli Belah • Kawasan Rehat & Rawat • Rumah Ibadat

Majlis Perbandaran Batu Pahat telah memasuki pertandingan kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Kawasan pilihan untuk dipertandingkan adalah Tandas Awam MPBP Di Dewan Jubli Intan dan bertemakan Smart Toilet.

Program Kesedaran (Tenaga Solar) Dan Kelestarian Industri

28 MEI 2025 • Program Kesedaran Kelestarian Industri (Tenaga Solar) di Daerah Batu Pahat telah dilaksanakan pada 27 Mei 2025 bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat melibatkan penyertaan agensi kerajaan dan pemain industri di kawasan Daerah Batu Pahat. Program telah disempurnakan oleh YBhg Encik Chua Jian Boon, Pegawai Khas Hal Ehwal Cina Menteri Besar Johor selaku wakil rasmi Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor. Program bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemain industri berkaitan pemakaian solar di premis industri bagi menyokong usaha kerajaan ke arah kemampanan dan kelestarian bandar selaras dengan matlamat Pembangunan Mampan SDG 13 (Climate Exchange) dan SDG 7 (Affordable and Clean Energy)





Cabaran Turun Berat Badan Siri 4.0

21 MEI 2025 • Program turun berat badan siri 4.0 telah berlangsung selama 3 Bulan dari bulan Februari hingga Mei. Terdapat banyak pengisian sepanjang program ini berlangsung. Seramai 34 orang telah menerima hadiah bagi siri 4.0





Majlis Perasmian International Music Food Festival x Majestic Johor Dataran Penggaram Batu Pahat

31 Mei 2025 • Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Muhammad Nazrul bin Abd Rahim, Pengarah Tourism Johor merangkap wakil rasmi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Turut mengiringi beliau ialah Tuan Mohd Farid bin Kassim, Pegawai Daerah Batu Pahat. Festival ini merupakan sebahagian daripada penganjuran FAMA Fest 2025 x Majestic Johor Festival x Yok! Mangan 2025, yang menjadi acara “trademark” pelancongan bagi Daerah Batu Pahat. Penganjuran festival ini bertujuan mempromosi pelancongan, budaya, makanan dan produk tempatan kepada masyarakat setempat serta pelancong dari dalam dan luar negara. Terdahulu, YBhg. Encik Muhammad Nazrul bin Abd Rahim telah dibawa melawat ke ruang pameran yang menampilkan hasil kraftangan tempatan oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan, sekaligus memberi peluang kepada usahawan tempatan mempromosi produk mereka kepada orang ramai. YBhg. Encik Muhammad Nazrul bin Abd Rahim, Pengarah Tourism Johor, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang telah memberikan komitmen, sokongan serta kerjasama, sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung, dalam menjayakan program ini.





Eco Future Engineer Clean And Walk Together

13 MEI 2025 • Program Eco Future Engineer Clean and Walk Together Anjuran UTHM telah berlangsung di Kampung Baru, Sri Gading, Batu Pahat. Program Ini dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohd Farid Bin Kassim, Pegawai Daerah Batu Pahat. Program ini bertemakan "Kesedaran Sosial Tanggungjawab Bersama" dan aktiviti gotong royong dan pembersihan di kawasan sekitar telah dilakukan sepanjang aktiviti ini berlangsung. Turut meriahkan majlis Sukarelawan Southern Volunteer yang hadir membantu dan turut hadir Penolong Pegawai Daerah, Penghulu & komuniti setempat.





Majlis Doa Selamat Dan Meraikan Bakal Haji

9 MEI 2025 • Majlis doa selamat dan meraikan bakal haji telah berlangsung pada 9 Mei 2025 di Surau Tingkat 4 Majlis Perbandaran Batu Pahat. Program dipenuhi dengan doa dan pemberian cenderahati kepada bakal jemaah yang akan menunaikan haji pada tahun 2025.





Sukan Tertutup Bola Jaring Dan Bola Sepak

4 JUN 2025 • MPBP telah mengadakan sukan tertutup bagi kakitangan MPBP. Sukan bola sepak 9 sebelah telah berlangsung di awal pagi di Stadium Batu Pahat. Sebanyak 4 rumah kumpulan terdiri daripada Rumah Pasukan Topaz (Biru), Emerald (Hijau), Zircon (Kuning) dan Sapphire (Merah). Sukan Bola Jaring bagi kakitangan MPBP Perempuan telah berlangsung di Dewan Taman Sri Penggeram.







Program Korban Kelompok 2025

10 JUN 2025 • Majlis Perbandaran Batu Pahat mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua jawatankuasa dan staf yang membantu bersama-sama bergotong-royong, berkorban tenaga dan masa bagi menjayakan program korban pada tahun ini dan ianya berjaya dilaksanakan dengan baik sehinggalah selesai program korban. Pada tahun ini sebanyak 6 ekor lembu yang berjaya dikumpulkan. Terima kasih juga diucapkan kepada Yayasan Makmur Batu Pahat, Rumah Orang Semerah, Southern Volunteers Batu Pahat, Kelab Bunga Tanjung MPBP, Anulae Cawangan Johor Barat dan Puspanita MPBP. Daging-daging Korban juga telah diedarkan kepada sebahagian penerima - penerima E-Kasih didalam kawasan MPBP.





Perasmian Majlis Sambutan Hari Landskap Negara

30 JUN 2025 • YAM Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Landskap Negara (HLN 2025) yang berlangsung di Taman Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada hari ini, 26 Jun. Turut mengiringi, YAM Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim. Keberangkatan tiba YAM Che' Puan Mahkota disambut oleh YB Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta YAB Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor. Majlis ini turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, wakil-wakil agensi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), serta pengamal media tempatan dan nasional. Bertemakan 'Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI', HLN 2025 bertujuan memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap peranan industri landskap dalam mencorakkan kehidupan bandar yang lestari, hijau dan sejahtera. Ia juga menjadi platform untuk menghargai sumbangan para penggiat landskap dalam pembangunan negara. Antara pengisian menarik HLN 2025 termasuk:

- Pameran dan Pertandingan Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh negara.
- Laman Khas Diraja, yang menampilkan elemen landskap Johor dalam sentuhan estetika kontemporari dan tradisional.
- Pameran Inovasi Landskap, forum profesional dan bengkel pendidikan hijau untuk pelajar dan belia.
- Pertandingan rekabentuk landskap dan demonstrasi hortikultur oleh pakar industri.

YAM Che' Puan Mahkota dan YAM Tunku Tun Aminah turut berkenan melawat Laman PBT dan Laman Khas Diraja serta berinteraksi bersama peserta dan pengunjung yang hadir memeriahkan sambutan. HLN 2025 dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), serta agensi-agensi berkaitan. Majlis Perbandaran Batu Pahat telah muncul Tempat Ke-3 bagi kategori Majlis Bandaraya/Perbandaran dalam Pertandingan Laman PBT sempena sambutan Hari Landskap Negara 2025. Majlis Perbandaran juga telah mendapat Johan dan Naib Johan bagi Pertandingan Sukan Rakyat PBT. Anugerah disampaikan oleh Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, diiringi oleh YBhg. Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsuddin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) selaku tuan rumah. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen MPBP dalam mewujudkan landskap bandar yang lestari, kreatif dan berdaya huni demi kesejahteraan komuniti. Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MPBP, khususnya Jabatan Landskap, atas usaha gigih dan dedikasi yang membuahkan hasil yang membanggakan ini.

Gerak Mesra Ahli Majlis



Program Berkhatan Perdana 2025

1 FEBRUARI 2025 • Gerak Mesra Zon 1
Ahli Majlis : Encik Amir Hamzah bin Mamom @ Mohamad
Tempat : Perkarangan Klinik semerah Harmoni , Semerah

Program Gerak Mesra

27 APRIL 2025 • Gerak Mesra Zon 16
Ahli Majlis : Dr King Ban Siang
Tempat : Parit Sri Molek, Taman Nira

Program Gerak Mesra

9 OGOS 2025 • Gerak Mesra Zon 9
Ahli Majlis : Puan Haryani binti Sukarman
Tempat : Sekitar Dewan Taman Ria & Taman Perpaduan

Sambutan Tahun Baru Cina 2025

8 FEBRUARI 2025 • Gerak Mesra Zon 18
Ahli Majlis : Encik Koh Yee Yong
Tempat : Dewan SJKC Hwa Jin Jalan Tanjung Labuh

Program Gerak Mesra

28 JUN 2025 • Gerak Mesra Zon 24
Ahli Majlis : Encik Azhar bin Salleh
Tempat : Gelanggang Seberguna Taman Maju Jaya, Rengit

Program Gerak Mesra

23 OGOS 2025 • Gerak Mesra Zon 6
Ahli Majlis : Encik Toh Poey Tiong
Tempat : Dewan Terbuka Taman Parit Raja

Program Gerak Mesra

23 MAC 2025 • Gerak Mesra Zon 2
Ahli Majlis : Encik Hamdan bin Ayub
Tempat : Masjid Taman Industri Sri Sulong

Program Gerak Mesra

2 JULAI 2025 • Gerak Mesra Zon 12
Ahli Majlis : Puan Norhanim binti Monadad
Tempat : Dewan Orang Ramai & Kompleks Niaga Parit Raja

Program Gerak Mesra

24 OGOS 2025 • Gerak Mesra Zon 19
Ahli Majlis : Encik Ranjit Singh A/L Gurdial Singh
Tempat : Perkarangan Rumah Pangsa Jalan Asam Paya Taman Soga

Program Gerak Mesra

24 MAC 2025 • Gerak Mesra Zon 23
Ahli Majlis : Puan Teo Siau Pei
Tempat : Dewan Terbuka, Taman Rengit

Program Gerak Mesra dan Gotong Royong Madani 2025

12 JULAI 2025 • Gerak Mesra Zon 17
Ahli Majlis : Puan Hajah Haliza binti Abdullah
Tempat : SMK Convent Batu Pahat

Hari Bertemu Pelanggan & Program Gerak Mesra

13 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 13
Ahli Majlis : Encik Zaidi bin Japar
Tempat : Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Parit Bilal

Program Gerak Mesra Sempena Hari Cuci Malaysia

13 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 4
Ahli Majlis : Encik Lim Sey Ken
Tempat : Dewan Terbuka Rumah Pangsa Jalan Pantai



Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 20
 Ahli Majlis : Encik Ter Hwa Kwong
 Tempat : Gelanggang Serbaguna Taman Bukit Mutiara

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 16
 Ahli Majlis : Dr King Ban Slang
 Tempat : Gelanggang Bola Keranjang Taman Batu Pahat

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 22
 Ahli Majlis : Encik Abdul Rashid bin Sahari
 Tempat : Taman Senggarang 2

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 1
 Ahli Majlis : Encik Amir Hamzah Bin Mamom @ Mohamad
 Tempat : Taman Semerah Harmoni, Semerah

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 11
 Ahli Majlis : Encik Teo Shang Chuan
 Tempat : Dewan Terbuka Taman Sri Mutiara

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 7
 Ahli Majlis : Encik Kevin Chok Ngen Kerk
 Tempat : Dewan Terbuka Taman Maju

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 15
 Ahli Majlis : Encik Abdul Kahar bin Osman
 Tempat : Taman Sri Mulia

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 21
 Ahli Majlis : Encik Azmin Nizam bin Alias @ Elias
 Tempat : Taman Evergreen Heights & Taman Bukit Flora

Sempena Hari Cuci Malaysia
27 SEPTEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 3
 Ahli Majlis : Tuan Haji Mohd Ismail binti Roslan
 Tempat : Kampung Sungai Kelambu

Program Gerak Mesra
5 OKTOBER 2025 • Gerak Mesra Zon 8
 Ahli Majlis : Datuk Haji Mohd Lassim Bin Burhan
 Tempat : Dewan Orang Ramai Tongkang Pechah

Majlis Selawat dan Ceramah
25 OKTOBER 2025 • Gerak Mesra Zon 5
 Ahli Majlis : Encik Abdul Halid bin Saat
 Tempat : Taman Robena, Parit Raja

Program Gerak Mesra
1 NOVEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 14
 Ahli Majlis : Tuan Haji Mohd Khairul Amri bin Sa'adan
 Tempat : Taman Universiti Parit Raja

Program Gerak Mesra
9 NOVEMBER 2025 • Gerak Mesra Zon 10
 Ahli Majlis : Encik Murugan A/L Shanmugam
 Tempat : Taman Ros

Pertandingan Keceriaan Merdeka Zon Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Batu Pahat Sempena Bulan Kemerdekaan 2025



JOHAN - ZON 12 TAMAN MAJU PARIT RAJA



NAIB JOHAN - ZON 24 TAMAN MAJU JAYA RENGIT



TEMPAT KE TIGA – ZON 13 TAMAN PERMATA PARIT BILAL



TEMPAT KE LIMA – ZON 1 TAMAN SEMERAH HARMONI



TEMPAT KE EMPAT – ZON 23 TAMAN RENGIT INDAH

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI HARTA?

Sekiranya Masih Belum Menerima Bil,
Cetak Dan Bayar Bil Tuntutan Cukai
Harta Anda Di :

BAYAR PADA ATAU SEBELUM

- Penggal 1 : 28 Februari setiap tahun
- Penggal 2 : 31 Ogos setiap tahun
- NOTIS DENDA
- HARTA DISITA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG

• KAUNTER BAYARAN

Majlis Perbandaran Batu Pahat
Aras 2, Menara MPBP

• JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Majlis Perbandaran Batu Pahat
Menara MPBP

PEMBAYARAN CUKAI HARTA *JomPAY*



Bill Code : 75648
Ref-1 : No. Akaun Cukai Harta
Ref-2 : No. Telefon

LANGKAH 2

- Masukkan **Ref-1** : <No. Akaun Cukai Harta>
cth A10010311
- Masukkan **Ref-2** : <No. Telefon>
cth 0123456789
- Masukkan **Jumlah Bayaran (Pay Amount)**
- Pilih **Bayar (Pay)**

LANGKAH 1

PAY TRANSFER RELOAD

Pay From: Savings Account-i

Pay To: JomPAY

75648 Press Enter

Masukkan **Bill Code : 75648**
dan **Press Enter**

My Favorites: + Add New Favorites

Pay To JomPAY (75648)

Ref-1:

Ref-2:

Pay Amount:

Effective Date: 14 March, 2024

Set Recurring

I hereby agree to the Terms and Conditions

PAY

A10010311

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
JALAN PEKABAT, KM 9 BATU PAHAT, NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
TEL: 07-4310000 / 4310001 / 4310008 / 4310009 / 4310010 / 4310011 / 4310012 / 4310013 / 4310014
e-mail: info@mpbp.gov.my | laman web: www.mpbp.gov.my

**BIL. CUKAI HARTA
PENGAL KEDUA 2024**

NAMA DAN ALAMAT PEMILIK	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
NO. AKALUN	A10010311



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



Majlis Perbandaran Batu Pahat



mpbp_rasmi



mpbp_rasmi